



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

LAWATAN PASANGAN KEPADA TYT PRESIDEN REPUBLIK SINGAPURA BERSAMA KDYMM SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG KE PUSAT PERKHIDMATAN AUTISME BANGI SERLAH KOMITMEN MALAYSIA MEMPERKASA PERKHIDMATAN AUTISME

BANGI, 14 Julai 2026 – Puan Jane Ittogi Shanmugaratnam, isteri kepada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura, hari ini telah mengadakan lawatan ke Pusat Perkhidmatan Autisme (PPA) Bangi bersama-sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah bersempena Lawatan Negara Presiden Republik Singapura ke Malaysia.

Lawatan yang merupakan sebahagian daripada *Spouse Programme* ini turut disertai oleh Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah binti Sultan Ibrahim; YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

Lawatan ini memberi peluang kepada delegasi untuk melihat sendiri pendekatan holistik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan intervensi, terapi dan sokongan kepada individu autisme serta keluarga mereka. Ia turut mencerminkan komitmen berterusan Malaysia dalam memperkukuh sistem sokongan sosial yang inklusif dan berpusatkan kesejahteraan komuniti.

Dalam sembah ucapan alu-aluannya, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berkata, peningkatan bilangan individu autisme yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan keperluan untuk terus memperkukuh penyediaan perkhidmatan autisme yang berkualiti dan mudah diakses. Sehingga Jun 2026, seramai 93,199 individu autisme telah berdaftar dengan JKJ dan angka tersebut dijangka terus meningkat selaras dengan pertambahan kesedaran masyarakat serta akses kepada perkhidmatan saringan dan diagnostik.

Pusat Perkhidmatan Autisme Bangi diuruskan menerusi kerjasama strategik antara sektor awam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), iaitu National Autism Society of Malaysia (NASOM) dan PDK Damansara Damia. Pusat ini menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk saringan awal, intervensi awal, perkembangan neuro - sosial dan tingh laku, latihan kepada penjaga, kumpulan sokongan keluarga serta program

kedaran masyarakat. Selain itu, pusat ini turut berperanan sebagai pusat rujukan nasional dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan autisme di seluruh negara.

Ketika ini, Pusat Perkhidmatan Autisme Bangi mempunyai kapasiti untuk menampung sehingga 90 peserta dan sedang memberikan perkhidmatan kepada 48 peserta aktif. Setiap peserta akan menjalani penilaian awal sebelum diberikan Pelan Intervensi Individu yang disesuaikan mengikut keperluan masing-masing.

Semasa lawatan, para tetamu turut dibawa meninjau beberapa kemudahan utama di pusat berkenaan termasuk Bilik *Activities of Daily Living (ADL)*, Bilik Terapi Carakerja (*Occupational Therapy*) dan gim, selain diberi penerangan mengenai pendekatan intervensi, latihan kemahiran harian serta pembangunan potensi individu autisme yang dilaksanakan di pusat tersebut.

Kerajaan komited untuk terus memperluaskan model Pusat Perkhidmatan Autisme ke Sabah, Sarawak dan Labuan sebagaimana diumumkan dalam Belanjawan 2026. Inisiatif ini mencerminkan iltizam berterusan Kerajaan dalam memastikan lebih ramai individu autisme dan keluarga mereka mendapat akses kepada perkhidmatan yang berkualiti, inklusif dan menyeluruh di seluruh negara.

Lawatan ini bukan sahaja memperkukuh hubungan persahabatan antara Malaysia dan Republik Singapura, malah turut membuka ruang kepada perkongsian amalan terbaik dalam pembangunan perkhidmatan sosial dan sokongan kepada individu autisme. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, Kerajaan akan terus memperkasa usaha membina masyarakat yang lebih inklusif, penyayang dan saksama agar setiap individu autisme berpeluang mencapai potensi terbaik mereka tanpa mengira latar belakang.

##TAMAT##

**DIKELUARKAN OLEH:
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
14 JULAI 2026**